

28 NOV 1999

MCA YAKIN PENGUNDI AKAN BUAT KEPUTUSAN BIJAK

GOPENG, 28 Nov (Bernama) -- MCA yakin para pengundi akan membuat keputusan yang bijak esok dengan memilih calon yang berwibawa dan berkaliber dari parti yang telah terbukti berjaya memelihara kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

Setiausaha agungnya Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, para pengundi harus memilih Barisan Nasional (BN) kerana ia bukan sahaja menjanjikan kesinambungan bagi kesejahteraan negara, tetapi juga masa depan anak mereka.

"Daripada maklum balas yang di terima oleh MCA, kita yakin pengundi Cina akan mengundi calon Barisan Nasional," katanya kepada pemberita di pejabat MCA Gopeng, hari ini.

Berdasarkan kepada lawatannya di Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Pulau Pinang dan Kedah, beliau berkata, sebahagian besar masyarakat Cina menyetujui saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kestabilan dan kemakmuran adalah penting untuk negara.

"Saya berharap pengundi akan buat keputusan yang bijak," katanya.

Beliau berkata, hasil analisis yang dilakukan oleh MCA, ia mendapati kawasan selamat atau hijau jelas melebihi kawasan merah (kurang selamat) dan ini menunjukkan sebahagian besar pengundi Cina menyokong BN.

-- BERNAMA

MHI zb